JURNAL ISLAM DAN MASYARAKAT KONTEMPORARI
© PENERBIT UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
ISSN 1985-7667 • e-ISSN: 2289-6325
https://doi.org/10.37231/jimk.2018.18.1.298



https: / / journal.unisza.edu.my / jimk

[CONSTRUCTION OF FELDA YOUTH IDENTITY THROUGH DAKWAH ACTIVITIES OF ISLAMIC ORGANIZATIONS]

PEMBINAAN JATI DIRI REMAJA FELDA MELALUI AKTIVITI DAKWAH ORGANISASI ISLAM

NUR DIYANA AHMAD PUAT[1]
BERHANUNDIN ABDULLAH[1*]

[1] Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Kampus Gong Badak,
Universiti Sultan Zainal Abidin.

*Corresponding author: berhan@unisza.edu.my

Received Date: 9 May 2018 • Accepted Date: 9 Sept 2018

Abstract

Felda youth play an important milestone for the development of Felda in the future. Hence, building a solid identity is very essential in the development of human capital to cope with the issue of social problem which happening among Felda's teenagers. The phenomenon of social problems among adolescence has prompted da'wah institutions to play their role to overcome these social issues. The objective of this study is to identify the activities planned by the Islamic Organization for Felda youth. In addition, this study also aims to analyze the activities that have been carried out by the Islamic Organization as it is an organization that helps to solve the social problems faced by Felda youth. Two research methods had been used in this study which is qualitative methods and conceptual research by collecting the data in order to develop a resilient study. Da'wah activities of Islamic Organization can be classified into several forms that are related to the development of Islamic belief, shari'a and society's character. There are several of da'wah activities such as seminars, adolescent camps, counseling and et cetera. The findings show that religious activities can contribute in strengthening the identity of adolescence, bringing changes to the social growth of the Felda community and its teaching is appropriate with Islamic philosophy. Finally, the missionary work of the Islamic Organization in approaching the youth in Felda has brought a positive impact.

Keywords: *Adolescent, Solid Identity, Da'wah Activity, Islamic Organization.*

Abstrak

Remaja Felda merupakan tonggak penting dalam pembangunan Felda pada masa akan datang, Justeru itu, pembentukan jati diri penting dalam pembangunan modal insan bagi membentengi masalah sosial remaja Felda. Fenomena mengenai masalah sosial remaja telah mendorong institusi-institusi dakwah memainkan peranan dalam menangani masalah sosial remaja ini. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti aktiviti-aktiviti dakwah Organisasi Islam terhadap remaja Felda dan menganalisis aktiviti dakwah yang dijalankan oleh Organisasi Islam sebagai

organisasi yang berperanan dalam membantu menyelesaikan masalah sosial yang dihadapi remaja Felda. Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan penyelidikan konseptual dengan mengumpul data-data untuk membangunkan kajian ini. Aktiviti dakwah Organisasi Islam diklasifikasikan dalam beberapa bentuk yang berkisar tentang pembangunan akidah, syariah dan akhlak masyarakat. Antara aktiviti dakwah ialah seminar, kem remaja, bimbingan kaunseling dan sebagainya. Hasil kajian mendapati bahawa aktiviti keagamaan dapat memberi sumbangan dari aspek pengukuhan jati diri remaja, membawa perubahan kepada pertumbuhan sosial komuniti Felda dan tuntutan ajarannya sesuai dengan tuntutan yang diajar oleh Islam. Dan akhirnya gambaran tentang gerak kerja dakwah Organisasi Islam bagi mendekati golongan remaja di Felda telah memberi kesan yang positif.

Kata kunci: Remaja, Jati Diri, Aktiviti Dakwah, Organisasi Islam.

Cite as: Nur Diyana Ahmad Puat & Berhanundin Abdullah. 2018. Pembinaan Jati Dri Remaja Felda melalui Aktiviti Dakwah Organisasi Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 18(1): 52-63

PENGENALAN

Dakwah membawa erti usaha bagi membangun tamadun ummah berpaksikan Islam, melalui pembentukan peribadi atau jati diri, masyarakat dan negara supaya berada dalam acuan Allah. Matlamatnya, untuk mendapatkan kesejahteraan dan rahmat Ilahi bagi kejayaan di dunia dan akhirat. Usaha menyebarkan Islam memerlukan kaedah yang tertentu. Justeru itu, dakwah mempunyai metodologi yang tersusun merujuk kepada sistem, aturan atau kaedah dalam berdakwah serta ilmu tentang cara berdakwah. Dakwah mempunyai kaitan rapat dengan al-Quran dan Sunnah Rasulullah S.A.W, yang berfungsi sebagai sumber yang tetap (Ali Abdul Halim Mahmud, tt: 16). Al-Quran secara jelas menyenaraikan tiga metodologi utama untuk menjayakan aktiviti pendakwahan. dalam surah an-Nahl, ayat 125, Allah S.W.T berfirman yang bermaksud:

Serulah (manusia) kepada jalan tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya tuhanmu dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-nya dan dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.

(Al-Nahl: 125)

Dalam Tafsir Fil Zilalil Quran oleh Asy Shahid Sayyid Qutb menjelaskan maksud ayat ini ialah dakwah hendaklah dilakukan dengan cara-cara yang bijaksana dan memberi penelitian yang teliti terhadap keadaan-keadaan dan suasana-suasana yang melingkungi sasaran dakwah itu, memberi perhatian yang teliti terhadap kadar dakwah yang mana setiap kali disampaikan kepada mereka, amalan Islam tidak memberatkan mereka. Seterusnya dakwah juga hendaklah dilakukan dengan pengajaran yang baik sehingga meresap ke dalam hati halus dan menembusi perasaan-perasaan manusia dengan lemah lembut dan bukannya dengan menggunakan serkahan yang kasar dan kecaman-kecaman, serta bukan pula dengan mendedahkan kesalahan-

kesalahan yang mungkin berlaku kerana kejahilan sasaran dakwah itu. Akhir sekali, dakwah juga perlu dilakukan dengan menggunakan pendekatan perdebatan yang sebaik-baiknya tanpa tekanan yang zalim terhadap pihak lawan, tanpa menghina dan memburuk-burukkan sesiapa supaya mereka yakin kepada kejujuran pendakwah dan merasa bahawa matlamatnya yang sebenar bukannya untuk memenangi perdebatan, tetapi untuk memberi keyakinan dan mencapai kebenaran. (Sayyid Qutb, 2000: 134-135)

Isu akhlak telah menjadi perbualan hangat di dalam masyarakat dewasa ini. Masyarakat kini tertekan dalam semua aspek kehidupan kerana berlakunya penularan akhlak keji yang berleluasa. Hal ini meletakkan kestabilan dan masa depan negara kini terancam kerana majoriti akhlak buruk ini melibatkan anak-anak remaja yang bakal menjadi pemimpin negara satu masa nanti. Perkara ini perlu diatasi segera melalui langkah awal iaitu menyekat dan menghapuskan penularan akhlak keji ini sebelum langkah seterusnya iaitu memupuk nilai akhlak mulia di kalangan para remaja.

Pendekatan dakwah terbaik wajib dilakukan kini demi agama, bangsa dan negara tercinta (Zakaria Stapa, et.al, 2012: 134).

Justeru, konsep pembinaan jati diri penting pada setiap individu dan masyarakat. Jati diri atau huwiyyah diertikan sebagai sifat-sifat atau watak asli yang perlu dimiliki oleh individu atau bangsa yang membentuk identiti serta perwatakan bangsa tersebut. Jati diri juga merujuk kepada identiti diri yang sebenarnya atau asli yang dimiliki oleh seseorang termasuk nilai-nilai yang menjadi pegangannya. Ia merujuk kepada identiti diri yang masih utuh dengan nilai-nilai adat, budaya, agama, bangsa dan juga negara. Agama memberi manusia pandangan yang jelas tentang diri dan merubah jiwa dengan identiti dan jati diri yang amat serasi, bernilai dan hakiki (Zakaria Stapa, et.al, 2012: 134).

Jati diri dan Islam saling berkait rapat dalam pembinaan utuh keperibadian seseorang. Unsur peradaban yang Islam terapkan memberi kesan dan membentuk sifat asasi dan keperibadian manusia. Dengan menerima identiti Islam maka seluruh landasan dan asas kebudayaan masyarakat akan berubah sesuai dengan akidah Islam. Segala bentuk budaya dan sistem kemasyarakatan dibangunkan atas tuntutan akidah sehingga mencapai suatu identifikasi atau jati diri yang unggul berteraskan Islam. Oleh kerana itu, nilai budaya suatu bangsa hanya boleh diterima sebagai asas jati diri bangsa tersepit jika ia benar-benar bersesuaian dengan nilai-nilai agama. Akhirnya cara yang berkesan bagi mengembalikan dan meningkatkan kekuatan jati diri bangsa Melayu melainkan dengan cara mengembalikan mereka kepada penghayatan agama yang sebenar berdasarkan kepada asas-asas pendidikan al-Quran dan al-Sunnah (Zakaria Stapa, et.al, 2012: 135).

Oleh itu, dakwah memainkan peranannya dalam usaha pembangunan dan pemulihan dengan pelbagai cara dan bentuk mengikut panduan Ilahi. Dakwah yang dijalankan perlu mencapai matlamat manusia dihidupkan di dunia ini. Maka, dakwah sangat diperlukan. Untuk membentuk manusia supaya selaras dengan kehendak Ilahi dan memerlukan tenaga serta usaha yang sesuai, dengan kesungguhan yang berpanjangan. Dakwah dikatakan suatu usaha yang besar dan mulia, namun banyak halangannya. Maka, dakwah memerlukan strategi yang mantap untuk menjamin keberhasilan matlamatnya. Strategi dakwah bererti suatu perancangan yang teratur, dengan memperhitungkan pelbagai faktor dilakukan untuk mencapai sesuatu matlamat dalam dakwah.

Justeru pelbagai aktiviti dakwah giat dijalankan oleh organisasi Islam dan perlaksanaan dakwah tidak terhad menerusi kaedah ceramah, kursus, seminar, khemah ibadat, kem motivasi, pertandingan kuiz, dan sebagainya, malah sesuai dilaksanakan menerusi bimbingan usrah dan juga halaqah. Organisasi Islam yang terlibat antaranya Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), badan-badan NGO, yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan sebagainya. Antara aktiviti yang popular yang dijalankan organisasi Islam seperti mengadakan ceramah umum di tempat lapang termasuk di kawasan masjid. Pendekatan perlaksanaan dakwah melalui ceramah dan kuliah adalah suatu cara yang sesuai dan berkesan masa kini. Manakala perlaksanaan dakwah melalui khutbah merupakan salah satu cara yang berkesan dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat umum. Sementara itu, perbincangan mengenai pelaksanaan program dakwah di suatu tempat sebagai contoh di Felda merupakan proses kerja yang mengandungi rancangan yang disusun rapi bagi menyeru dan mengajak masyarakat melaksana dan menghayati ajaran Islam. Dakwah Islam juga dikatakan suatu proses yang berterusan dan aktiviti dakwah bukan berlalu secara kebetulan melainkan harus melalui perancangan yang teliti dan dilaksanakan dengan baik serta diberi penilaian secara terus menerus agar ianya dapat merubah perilaku sasaran dakwah sesuai dengan matlamat dan objektif yang ditetapkan oleh penganjur (Abdul Munir Ismail, et.al, 2016: 230-231).

SOROTAN LITERATUR

Menurut Rokiah Talib et,al (2000), dalam kajiannya Kajian Masalah Sosial di Tanah Rancangan Felda Johor Darul Ta'zim menyentuh mengenai komuniti peneroka seluruhnya iaitu gaya hidup peneroka, tahap pendidikan peneroka, permasalahan kehidupan dalam komuniti peneroka, sikap peneroka terhadap Islam dan sebagainya. di situ dapat dilihat sikap dan amalan peneroka terhadap agama Islam, yang mana para peneroka ditinjau tahap pendidikan agama mereka setelah dilakukan soal selidik dan dapat diketahui tahap kefahaman terhadap agama islam samaada mereka mengikuti pendidikan secara formal, tidak mendapat pendidikan agama secara formal, atau tidak pernah langsung mendapat pendidikan agama.

Selain itu juga, peninjauan perlu dibuat mengenai amalan penghayatan agama peneroka iaitu mengikuti pendidikan agama sama ada belajar dari ibu dan bapa, belajar melalui pembacaan buku, belajar dari guru agama, atau langsung tidak belajar agama. Hal ini penting untuk para pendakwah mengetahui bagi memudahkan penyusunan strategi dakwah dan dapat diketahui tahap pengetahuan agama peneroka.

Seterusnya, menurut Ab Aziz Mohd Zin, et.al, (2006), iaitu Dakwah Islam Di Malaysia menyentuh mengenai kesungguhan Institusi Dakwah atau Organisasi Islam dalam mengatur strategi dan program yang sesuai untuk melaksanakan keperluan dakwah begitu rancak dan membanggakan. Aktiviti dakwah yang dijalankan adalah sebagai memenuhi tentatif perancangan program dakwah setiap tahun dalam merealisasikan tuntutan dakwah. Dalam kajian ini membincangkan tentang program-program dakwah yang dianjurkan Organisasi Islam yang bermatlamatkan tiga aspek pembangunan iaitu pembangunan akidah, akhlak dan syariah.

Menurut Zaini Hamzah (1989) dalam kajiannya Dakwah Dalam Masyarakat Majmuk Suatu Kajian Kes di Malaysia menyentuh mengenai pendekatan dakwah yang digunakan oleh Angkatan Belia Islam (ABIM) yang mana meletakkan pendekatan kukuh berasaskan ajaran

Islam itu sendiri. Pendekatan hikmah kebijaksanaan dengan cara mengamalkan *mau'izzah al-hasanah* kerana dengan pendekatan ini dapat memberi peluang kepada orang yang diseru dalam ajakan dakwah supaya berfikir dan meluahkan fikirannya dengan baik tanpa emosi. Komunikasi yang lebih mesra ini lebih menjanjikan kejayaan serta merapatkan ukhuwah antara pendakwah dan mad'unya. Zaman sudah berubah, manusia hidup dengan pelbagai pola kehidupan dan pekerjaannya, maka pendekatan lama perlu ditambah lagi dengan menggunakan media massa, media elektronik secukupnya.

Seterusnya pendekatan dakwah menggunakan bidang kesenian dalam batas-batas yang dibolehkan seperti seni lagu, drama, pendekatan dakwah melalui kegiatan kebaikan. Hal ini kerana persoalan Islam itu secara statik disampaikan melalui bentuk ceramah dan seminar dan lain-lain seumpamanya, dengan menggunakan masjid dan surau, namun didapati wajah-wajah insan yang sama juga sering datang mendengarnya manakala sebahagian komponen sosial yang lain langsung tidak peduli. Justeru, ABIM menyedari hal ini, mewujudkan pendekatan yang lebih menjanjikan keberkesanannya. Para pendakwah sendiri perlu turun ke lapangan berjumpa dan berinteraksi dengan masyarakat atau menjalinkan ukhuwah seperti mengedarkan risalah agama percuma dalam pelbagai tajuk kepada masyarakat. Hal Ini kerana ianya adalah satu pendekatan yang dikatakan memberangsangkan.

Manakala, menurut Badlihisham Mohd Nasir, et.al, (tt) dalam kajian Perkembangan Sosio-Psikologi dan Akhlak Remaja Melayu (Felda): Satu Kajian Preliminari menyentuh perbincangan mengenai kesan pengaruh sosial terhadap psikososial akhlak remaja di Felda dan penyebab kepada masalah sosial yang berlaku di Felda. Penerapan dan penguasaan ilmu agama merupakan faktor penting bagi setiap remaja dan mendapat peratusan paling tinggi bagi pengurangan masalah sosial di Felda. Kajian ini juga melihat faktor-faktor seperti rakan sebaya, persekitaran kehidupan, media massa, keluarga merupakan pengaruh yang sangat penting kepada perlakuan akhlak remaja di Felda.

Akhir sekali, kajian Badlihisham Mohd Nasir, et.al, (2014) iaitu Gejala Sosial di Felda Gugusan Chini Pahang: Faktor dan Cara Mengatasinya juga turut membincangkan mengenai gejala sosial yang dikatakan isu penting dalam konteks dakwah Islam. Sikap kurang peduli masyarakat tentang pembendungan gejala sosial yang berlaku di Felda menyebabkan masalah kepada generasi akan datang. Asas kekeluargaan yang kuat juga membantu sedikit sebanyak dalam proses menangani isu ini. Hasil dapatan dalam kajian ini mendapati bahawa hampir keseluruhan remaja bersetuju bahawa penyelesaian agama adalah kaedah terbaik bagi mengatasi masalah tersebut.

METODOLOGI

Pengkaji menggunakan penyelidikan berbentuk kualitatif dan penyelidikan konseptual untuk mendapatkan penghuraian data, pengetahuan secara mendalam, menyeluruh terhadap sesuatu masalah melalui penyelidikan, pemerhatian dan perpustakaan. Kajian perpustakaan melibatkan buku-buku, ensiklopedia, jurnal, artikel dan sebagainya. Pengkaji mendapatkan gambaran jelas mengenai pembinaan jati diri remaja Felda terhadap aktiviti dakwah Organisasi Islam melalui analisis kandungan yang dibuat.

ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Pembangunan komuniti Felda dipertingkatkan melalui perancangan dan perlaksanaan program-program dan ianya memerlukan strategi dan pendekatan. Fokus utama ialah kepada kepimpinan dan penyatuan masyarakat, modal insan dan aspek pembangunan fizikal bagi menjamin kesejahteraan hidup masyarakat Felda. Penekanan diberikan kepada pembangunan modal insan dalam usaha mewujudkan institusi masyarakat yang lebih mantap dan menekankan kesejahteraan dan kehidupan warga Felda yang berkualiti. Usaha meningkatkan kualiti hidup peneroka akan terus dipergiatkan dalam pelbagai bidang khususnya dalam aspek pendidikan, kepimpinan, keibubapaan, penghayatan agama dan kesihatan untuk melahirkan masyarakat yang cemerlang dan seterusnya menjadi komuniti contoh masyarakat luar bandar. Pembangunan modal insan perlu diselarikan dengan keunggulan jati diri seseorang. Oleh itu, Islam telah mengajar bahawa akhlak merupakan satu tonggak yang penting dalam membina jati diri seseorang manusia yang unggul (Rokiah Talib, et.al, 2000: 21-22).

Dalam pembinaan jati diri seseorang atau kumpulan komuniti bukanlah sesuatu yang mudah. Hal ini kerana pembinaan jati diri memerlukan setiap usaha dalam membantu untuk membangunkan modal insan sesebuah komuniti. Muktahir ini remaja atau generasi kedua Felda sering saja dikaitkan dengan masalah gejala sosial yang mana kebanyakannya mengalami perubahan dari segi sosialisasi dan kehidupan sosial harian mereka berbanding dengan latar belakang generasi ibu-bapa mereka. Masalah remaja Felda ini sudah banyak diperkatakan oleh sebilangan penyelidik dan sarjana, tetapi masalah ini nampaknya berpunca daripada persekitaran yang ada dalam kehidupan mereka dalam komuniti Felda itu juga (Rokiah Talib, et.al, 2000: 21-22).

Sebagai contoh, menurut Zarina Othman et.al (2015) dalam kajiannya Ancaman Sindiket Dadah Terdahap Juvenil Di Malaysia katanya, Ketua Pengarah Agensi Anti Dadah Kebangsaan ada menegaskan, penularan mengenai penyalahgunaan dadah bertambah setiap tahun dan bukan sahaja berlaku di kawasan bandar-bandar besar bahkan di kampung-kampung termasuk yang paling membimbangkan adalah di kawasan Felda. Kawasan Felda menjadi tumpuan para sindiket ialah kerana ianya amat menguntungkan. Hal ini kerana mereka mempunyai kemampuan kewangan untuk mendapatkan bahan terlarang ini (Berita Harian, 26 Jun 2013).

Seterusnya, menurut Zaleha Kamarudin et.al (2008), dalam kajiannya Social Problems and Its Relattions with Family Institution in Felda Settlements: The Local Perspectives membicarakan mengenai jenis-jenis masalah sosial yang berlaku di Felda dan faktor-faktor penyumbang kepada berlakunya masalah sosial. Antara penemuan kajiannya ialah nilai keluarga yang materialistik dan tidak mengambil berat tentang tingkah laku dan kesalahan yang dilakukan oleh anak-anak mereka didapati sebagai punca kepada kemerosotan moral anak-anak Felda. Penyalahgunaan dadah yang menjadi masalah terbesar juga dikatakan telah mendorong berlakunya masalah-masalah sosial yang lain seperti mencuri, merogol, pecah rumah dan sebagainya.

Penyelesaian kepada permasalahan ini antaranya ialah pengetahuan agama. Pengetahuan agama dilihat penting dalam membantu pertumbuhan ekonomi sebagai contoh dari aspek tanggungan keluarga, perbelanjaan berhemat dan sebagainya. Budaya hidup berasaskan agama membantu meringankan kos cara hidup malah membantu menghubung

masyarakat antara golongan yang berpendapatan tinggi dan golongan yang susah. Bukan sahaja kemajuan dalam bidang ekonomi malahan seiring dengan kehendak agama. Kemajuan ekonomi dan fizikal sahaja tidak cukup untuk membina sebuah ketamadunan masyarakat yang baru (Sidi Gabalza, et.al, 1995: 51).

Jika ditinjau dari sudut dakwah Islamiah, pembangunan ekonomi negara yang sedang dilaksanakan turut memberi rangsangan kepada pertumbuhan masalah dan krisis sosio-budaya di kalangan rakyat, terutama generasi muda. Masalah dan krisis sosio-budaya yang dimaksudkan di sini ialah seperti rasuah, penyalahgunaan kuasa, penyalahgunaan dadah, gaya hidup dan tingkah laku yang mementingkan keseronokan dan kemewahan (*materialistic, hedonism* dan *conspicuous consumption*), tindakan-tindakan manipulasi pasaran secara tidak berperikemanusiaan oleh sektor awam, aliran kebudayaan kota yang besifat permissive dan konflik nilai-nilai dalam masyarakat orang Melayu sendiri (Sidi Gabalza, et.al, 1995: 51).

Menurut Fariza Md Sham et.al (2006), mengatakan zaman remaja digambarkan sebagai zaman yang penuh dengan tekanan dan kecelaruan emosi akibat pelbagai perubahan pada diri, mental dan nilai konflik. Oleh kerana zaman remaja merupakan zaman yang kompleks maka remaja amat memerlukan pendekatan dakwah yang berhikmah dalam proses memberi bimbingan kepada mereka. Amat serasi sekiranya aktiviti dakwah yang dijalankan kepada golongan ini menggunakan aktiviti dakwah berbentuk psikologi kerana ianya menumpukan pemulihan jiwa dan rohani remaja. Antara aktivitinya ialah pendekatan minda, pendekatan emosi dan motivasi. Penyerapan nilai dan amalan Islam menjadi landasan awal memimpin perubahan budaya peneroka Felda. Oleh kerana kelemahan ini, mendorong untuk diadakan kajian yang mana sesuatu aktiviti dakwah itu perlu disesuaikan dengan budaya masyarakat Felda.

Masalah remaja Felda merujuk kepada perbuatan dan aktiviti remaja yang berlawanan dengan norma-norma masyarakat, undang-undang negara dan agama, seperti mencuri, merompak, merogol, berzina, membunuh, menagih dadah, menderhaka kepada kedua ibu-bapa dan seumpamanya (kes juvana). Masalah ini dianggap sebagai kenakalan remaja kerana orang yang terlibat masih belum matang (belum dewasa). Perlakuan jenayah yang dibuat oleh mereka tidak dikenakan hukuman berat. Hukuman yang dijatuhkan kepada mereka adalah menempatkan mereka di pusat-pusat pemulihan akhlak dan diberi pendidikan khas.

Melihat situasi ini, usaha mempergiatkan pembangunan modal insan dan pembentukan jati diri remaja Felda boleh dijalankan melalui aktiviti dakwah Organisasi Islam. Dilihat kepada keseluruhan institusi dakwah yang ada, terdapat banyak aktiviti dakwah yang cuba diusahakan dalam memenuhi keperluan pembangunan umat Islam khususnya. Aktiviti yang diadakan menunjukkan kesungguhan dan keprihatinan institusi tersebut dalam melihat kepada perkembangan pembangunan umat Islam. Antara institusi-institusi dakwah yang bergiat aktif ke arah merealisasikan cabaran dakwah Islam seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Yayasan Islam Islamiah Malaysia (YADIM) merupakan pertubuhan kerajaan. Manakala penyertaan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Parti Islam Se-Malaysia (PAS), dan sebagainya turut menyemarakkan pergerakan dakwah di Malaysia. Kesungguhan institusi dakwah ini dalam mengatur strategi dan program yang sesuai untuk melaksanakan keperluan dakwah begitu rancak dan merealisasikan tuntutan dakwah (Ab Aziz Mohd Zin, et.al, 2006: 258).

Secara keseluruhannya aktiviti dakwah yang dilakukan oleh Organisasi Islam ini diklasifikasikan kepada beberapa bentuk iaitu aktiviti yang berkisar tentang pembangunan akidah, syariah dan akhlak. Aktiviti ini merangkumi peningkatan ilmu umat Islam secara keseluruhannya bagi memenuhi tuntutan dunia dan akhirat. Pembangunan akidah diisi dengan aktiviti seperti "Kelas Akidah" anjuran Darul Fitrah. Seterusnya, PERKIM dan JHEAIN mengadakan "Kelas Pengenalan dan Penghayatan Islam". Aktiviti ini bertujuan memberi perhatian dalam usaha untuk membangunkan dan memantapkan akidah terutama untuk golongan masyarakat awam yang beragama Islam dan saudara baru. Selain itu juga, terdapat juga aktiviti keraian yang bertujuan membangunkan akidah Islam. Sepertimana aktiviti perayaan "Sambutan Maulidul Rasul", dan "Isra' Mikraj". Ini bukan sahaja dapat mengeratkan ukhuwah Islam bahkan yang lebih penting adalah memupuk rasa kecintaan dan kepercayaan kepada Rasul dan apa yang disampaikannya (Ab Aziz Mohd Zin, et.al, 2006: 258).

Antara aktiviti dakwah yang menyentuh pembangunan syariah yang dilaksanakan Organisasi Islam ialah Kem ibadat. Kem Ibadat dijalankan untuk tujuan meningkatkan kefahaman umat Islam khususnya remaja dalam aspek ibadat di samping meningkatkan motivasi mereka untuk menjadi Muslim yang baik dan bertanggungjawab terhadap agama, bangsa dan negara. JAIM contohnya telah mengadakan "Perkhemahan Ibadah Pelajar" dan "Khemah Ibadah Saudara Kita" diikuti JAIJ yang mengadakan "Khemah Ibadah Remaja". Program ini cuba untuk mengaplikasikan pelbagai bentuk ibadah dalam kehidupan sebagai salah satu unsur motivasi sekali gus menjadikannya sebagai asas kepada pelajar, remaja dan saudara baru untuk membaiki kualiti ibadah mereka.

Seterusnya, program pengurusan jenazah yang mana hampir keseluruhan jabatan begitu prihatin dengan tuntutan fardu kifayah ini. Program yang diadakan ini menunjukkan pengurusan jenazah merupakan ibadat yang perlu difahami oleh umat Islam terutama apabila berlaku kejadian kematian ke atas umat Islam. Kursus berbentuk teori dan amali ini mendedahkan kepada masyarakat awam tentang teknik dan peraturan yang betul memandikan, mengkafankan, menyembahyangkan dan mengebumikan jenazah orang Islam. Selain itu juga, kelas bimbingan Fardu Ain diadakan kepada semua golongan remaja, dewasa, saudara baru, golongan tua dan sebagainya. Pelaksanaan kelas bimbingan ini merupakan keperluan penting bagi membimbing umat Islam melaksanakan ibadat dengan lebih sempurna terutama ibadat solat, wuduk, bersuci, dan sebagainya (Ab Aziz Mohd Zin, et.al, 2006: 251).

Pembangunan akhlak pula menjadi cerminan kepada peribadi manusia. Oleh itu, semakin banyak usaha yang dilakukan Organisasi Islam bagi memperkasa lagi akhlak masyarakat Malaysia amnya dan masyarakat Islam khasnya. Usaha ini melibatkan jabatan-jabatan agama Islam negeri. JAIP misalnya telah mengadakan beberapa siri kursus yang khusus menyentuh mengenai pembangunan akhlak. Kursus-kursus ini diadakan merangkumi pelbagai lapisan masyarakat. Kursus tersebut adalah seperti "Gerakan Kecemerlangan Pemimpin Masyarakat", "Gerakan Kecemerlangan Saudara Baru"," Gerakan Kecemerlangan Remaja", dan "Gerakan Kecemerlangan Pelajar" (Ab Aziz Mohd Zin, et.al, 2006: 255).

Selaras dengan fungsi remaja itu sendiri sebagai pelapis dan pewaris negara ABIM contohnya, melaksanakan "Bengkel Rakan Sebaya & Sosial" dan "Tamrin Dan Khemah Kepimpinan" yang dikhususkan untuk golongan remaja ini. Darul Fitrah menganjurkan "Program Sehari Di Bumi Matrik", PKPIM dengan "Konvensyen Sri Kandi Islam Dinamik", "Kem Aspirasi Siswi Islam Harmoni", "Perkampungan Menara Gading", dan "Program

Motivasi". Program-program seumpama ini merupakan program pembangunan yang mampu meningkatkan kredibiliti remaja agar lebih bersemangat dan mempunyai kendiri yang positif serta melahirkan sikap keberanian dalam diri remaja khususnya program-program sebegini dijalankan bagi remaja di Felda (Ab Aziz Mohd Zin, et.al, 2006: 263).

Menyedari hakikat kepentingan tanggungjawab wanita dalam membentuk dan membangunkan akhlak sesebuah masyarakat maka tidak hairanlah terdapat pelbagai aktiviti dakwah yang cuba melibatkan sekali gus memperkasa wanita. Antaranya "Kuliah Ainul Mardiyah", dan "Hewi Leadership Training" yang dianjurkan oleh PKPIM serta "Muzakarah Wanita JIM Pusat" anjuran JIM mendekati golongan wanita yang menjadi tunggak negara. Selain itu, dalam aspek pembangunan akhlak ini turut melibatkan aktiviti berbentuk isu-isu semasa. Aktiviti-aktiviti inilah yang ditagih perlaksanaannya terutama di kawasan Tanah Rancangan Felda (Ab Aziz Mohd Zin, et.al, 2006: 263).

Seterusnya, sejarah telah membuktikan bahawa masjid memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan seharian umat Islam. Selain berfungsi sebagai tempat ibadat ia juga berperanan sebagai pusat perpaduan dan penyatuan ummah serta sebagai salah satu agen pembangunan sosial dan gerakan dakwah. Namun begitu, usaha ini tidak berkesan sekiranya masyarakat masa kini tidak benar-benar berusaha untuk memahami fungsi dan peranan kewujudan sesebuah masjid. Masjid dilihat tersergam indah, namun sunyi tanpa kerjasama daripada masyarakat khususnya golongan remaja untuk mengimarahkannya. Kewujudannya kini dijadikan tempat eksklusif untuk beribadat, sekadar untuk solat lima waktu solat Jumaat dan hari Raya. Malah lebih menyedihkan lagi kerana ianya hanya sekadar pusat pelancongan khususnya bagi sesetengah masjid kerana keunikan dan keindahan binaannya.

Menyedari hal ini, pihak Organisasi Islam juga telah melaksanakan beberapa aktiviti atau program dalam usahanya menyebarkan dakwah Islamiah kepada masyarakat Islam di tempat masing-masing. Untuk menarik minat remaja kepada masjid pelbagai aktiviti keagamaan dilakukan seperti "Ceramah Agama" dengan menjemput penceramah khas atau penceramah popular dan dikenali ramai bagi membincangkan isu-isu semasa, kelas pengajian Ilmu Islam diadakan sama ada menyentuh soal akidah, syariah, akhlak, al-Quran, tafsir, hadis, sirah dan sebagainya. Hal ini kerana masjid merupakan tempat utama pembangunan sosial bermula. Untuk melihat pembangunan jati diri umat Islam atau sesuatu masyarakat perlu dilihat tempat bermulanya pembangunan sosial (Ab Aziz Mohd Zin, et.al, 2006: 266).

Walau bagaimanapun terdapat beberapa masalah yang dialami oleh pihak penganjur dalam menjamin kelancaran program. Antara masalah-masalah yang terbit ialah seperti metode isi kandungan sesebuah dakwah perlu diperhalusi bagi memastikan ubat yang diberi bersesuaian dengan penyakit yang dihadapi oleh sasaran. Begitu juga dengan kesilapan atau ketidaktetapan isi kandungan dakwah yang dikemukan kepada sasaran atau peserta yang mengikuti aktiviti-aktiviti dakwah. Penggunaan modul program yang sama dalam kursus yang berlainan dan tidak dikemas kini mengikut sesebuah program mengakibatkan isi kandungan yang pasti kurang tepat dan relevan dengan keadaan dan sasaran di setiap aktiviti yang diadakan.

Masalah kedua adalah metode penyampaian iaitu kaedah penyebaran dakwah kepada sasaran. Lazimnya metode penyampaian secara tidak langsung akan menggambarkan imej dan peribadi sesebuah organisasi. Penguasaan bahasa oleh pendakwah juga sangat penting agar sesuatu penyampaian itu difahami sasaran dakwah. Ketidakupayaan pendakwah memahami

bahasa menyukarkan proses penyampaian dakwah. Masalah seterusnya adalah melibatkan perancangan. Masalah perancangan ini merangkumi aspek susunan aktiviti yang dilakukan sepanjang sesebuah program dilaksanakan.

Manakala masalah melibatkan kakitangan pula ialah kakitangan merupakan aset yang penting dalam usaha melaksanakan aktiviti dakwah. Namun masalah kekurangan sumber tenaga ini sering kali melingkari setiap Organisasi Islam. Apatah lagi, sekiranya ianya melibatkan aktiviti yang memerlukan pengasingan jantina, umur, dan tahap pendidikan berlaku. Oleh itu, masalah ini sedikit sebanyak telah mengganggu kelancaran perjalanan aktiviti dakwah. Akhir sekali, masalah kewangan juga sering berlaku ketika melaksanakan program. Hal ini diakui oleh Mohammad Bin Azli iaitu Pegawai Hal Ehwal Islam di JAIM. Walau bagaimanapun penganjuran bersama dengan agensi lain seperti JAKIM, Agensi Dadah Kebangsaan sedikit sebanyak dapat mengurangkan kekangan yang ada (Ab Aziz Mohd Zin, et.al, 2006: 277-280).

Masalah bukan sahaja terdiri dari penganjur atau pendakwah malah datangnya dari diri peserta atau sasaran dakwah itu sendiri yang mengikuti apa jua bentuk aktiviti atau program yang dijalankan oleh Organisasi Islam. Sebagai subjek sasaran dakwah sudah tentulah mereka menjadi pemangkin untuk memajukan lagi usaha dakwah. Permasalahan ini semestinya perlu dihindari bagi melancarkan pembangunan jati diri remaja. Antara permasalahannya ialah kurang penyertaan yang mana setiap aktiviti amat memerlukan kehadiran atau penyertaan. Kehadiran peserta dapat memberikan gambaran awal sama ada aktiviti berjaya atau tidak. Penyertaan bukan sahaja diperlukan semasa aktiviti tetap seperti kelas-kelas pengajian bahkan mereka tetap diperlukan semasa aktiviti bermusim dilaksanakan. Masalah kedua ialah disiplin yang mana disiplin sering kali dipandang remeh dalam penganjuran sesebuah program. Namun masalah ini sering kali merosakkan program-program yang dianjurkan oleh Organisasi Islam. Malah masalah disiplin dalam kalangan peserta semakin menjadi-jadi sehingga mengganggu kelancaran program (Ab Aziz Mohd Zin, et.al, 2006: 281-283).

PENUTUP

Kewujudan Organisasi Islam dalam menangani permasalahan sosial melalui pembentukan jati diri dihargai bagi memartabatkan negara Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Bahkan dalam Islam sekalipun, ianya menjadi kewajipan institusi Muslim membawa masyarakat umumnya ke arah kebaikan. Kekuatan pembentukan jati diri seseorang dilihat berkisarkan tiga aspek penting iaitu pembangunan akidah, syariah dan akhlak. Pembangunan akidah merupakan tunjang dalam kehidupan masyarakat Islam. Ia diibaratkan seperti batu asas sesebuah bangunan. Kesempurnaan asas sesebuah bangunan akan menghasilkan binaan yang kukuh. Begitu juga halnya dengan kekukuhan akidah dalam diri seseorang individu. Ia mampu melahirkan masyarakat yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Tambahan lagi kemantapan akidah menjadi asas dalam dakwah Rasulullah S.A.W dan juga para rasul yang lain sebelum dakwah mereka melangkah kepada perkara-perkara lain seperti syariah dan akhlak. Seterusnya melalui pembangunan syariah, akan dapat dilihat kesan atau hasil betapa kukuh ataupun rapuhnya akidah dan pegangan individu yang menjadi asas kepada masyarakat Islam pada hari ini. Bahkan manusia mengukur keimanan mereka melalui pelaksanaan syariah dalam kehidupan seharian mereka.

Akhir sekali, umat Islam perlu bangkit khususnya golongan remaja daripada terus lemah dan mundur bagi membina kekuatan diri dan masyarakat yang proaktif melalui keimanan, akhlak, keilmuan dan kepakaran. Semua kekuatan ini amat memerlukan kepada satu sistem dan psiko-sosial masyarakat yang dinamik berasaskan akhlak yang luhur serta kemanusiaan yang berasaskan agama Islam. Oleh itu, pembangunan akhlak yang murni perlu dihayati serta diamalkan sepenuhnya oleh masyarakat khususnya anak peneroka agar mereka tidak lagi dilabelkan sebagai remaja yang sering dikaitkan dengan masalah sosial dan kemunduran dari segala aspek. Secara keseluruhannya, aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh Organisasi Islam di Malaysia berkisar ke arah pembangunan jati diri umat Islam sama ada pembangunan ilmu pengetahuan dan kefahaman Islam bahkan turut mementingkan keterampilan diri masyarakat Islam khususnya masyarakat Felda. Alangkah lebih baik sekiranya dijalankan atau diwujudkan program dakwah khususnya bagi masyarakat peneroka Felda bagi mereka mempelajari ilmu-ilmu agama dengan lebih mendalam serta membantu menyelesaikan masalah semasa peneroka dalam penghayatan agama melalui biro-biro agama di Felda dengan kerjasama organisasi dakwah secara berterusan.

RUJUKAN

Al-Quran.

Ab Aziz Mohd Zin, Nor Raudhah Hj Siren, Yusmini Md Yusoff, Faridah Mohd Sairi & Mohd Anwarulhaq Sulaiman. (2006). Dakwah Islam Di Malaysia, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Abdul Munir Ismail, Zulaiha Ahmad Tajuddin. (2016). Suatu Analisis Awal Keberkesanan Aktiviti Dakwah Terhadap Pekerja Dalam Sektor Industri, Sultan Idris Education University.

Ali Abdul Halim Mahmud. (t.t). *Fiqh al-Dakwah Ilaalah* (Juzuk 1). t.t.p.

Asy-Syahid Sayyid Qutb Rahimullah. (2000). *Tafsir Fi Zilalil Quran Di Bawah Bayangan Al-Quran.* Pustaka Aman Press Sdn.Bhd, Kota Bharu Kelantan.

Badlihisham Mohd Nasir, Rozmi Ismail, & Syarul Azman Shaharuddin. (tt). Perkembangan Sosio Psikologi Dan Akhlak Remaja Melayu Felda: Satu Kajian Premilinari. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.

Fariza Md. Sham, Siti Rugayah Hj Tibek, & Othman Hj Talib. (2006). Dakwah dan Kaunseling Di Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.

Rokiah Talib, Suradi Salim, & Hussain Mohamed. (2000). Kajian Masalah Sosial Di Tanah Rancangan Felda Johor Darul Ta'zim, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Sidi Gazalba, Zainab Ismail. (1995). Dakwah Islamiah Masa Kini, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Zaini Hamzah. (1989). Dakwah Dalam Masyarakat Majmuk: Suatu Kajian Kes Di Malaysia, Institusi Kajian Dasar, Kuala Lumpur.

Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf, Abdul Fattah Shaharuddin. (2012). Islam Asas Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu-Muslim, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.

Zaleha Kamaruddin, Nik Ahmad Hisham, Mohd Sahari Nordin. (2010). European Jurnal of Sosial Science Social Problems and Its Relattions with Family Institution In Felda Settlements: The Local Perspectives, International Islamic University Malaysia,

Selangor.

Zarina Othman, Mohammad Daus Drius. (2015). Ancaman Sindiket Dadah Terhadap Juvenil di Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.